

13 MAY 1997

Mahathir-Bakun

BAKUN SATU PROJEK NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan mengenai komitmen kerajaan terhadap projek hidro-elektrik Bakun di Sarawak dengan berkata ia adalah "satu projek negara".

Kerajaan akan sentiasa menyokong projek berharga RM15.5 bilion itu, katanya.

"Ia adalah satu projek negara," katanya sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penaja jamin antara Bakun Hydro-Electric Corporation Berhad (BHC) dan 54 institusi kewangan untuk menaja jamin 375 juta saham yang ditawarkan oleh BHC kepada orang awam pada kadar RM2 sesaham, di sini.

Pada satu persidangan berita kemudian, Dr Mahathir ketika ditanya kenapa kerajaan telah membuat perakuan itu, berkata projek itu perlu dianggap sebagai satu projek negara kerana ada sesetengah pihak yang menganggap ia dijalankan oleh sektor swasta.

"Kita bertanggungjawab (bagi projek itu)," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir melancarkan logo korporat BHC.

Kerja-kerja di projek itu bermula Oktober tahun lepas dengan tarikh pelaksanaan operasi dan tarikh pelaksanaan komersil masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Okt, 2002 dan 31 Ogos, 2003.

Loji itu akan mempunyai keupayaan menjana 2,520 megawatt elektrik di Sarawak dan mempunyai sistem penghantaran elektrik terdiri daripada kira-kira 670km talian atas HVDC di Sarawak dan kira-kira 670km kabel dasar laut yang bersambung dengan sistem penghantaran Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung Malaysia.

Ekran Berhad akan memegang 32 peratus ekuiti dalam BHC, menjadikannya pemegang saham terbesar. Kerajaan negeri Sarawak akan memegang 19 peratus saham, Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak sebanyak sembilan peratus dan Tenaga Nasional, kerajaan Malaysia menerusi Khazanah Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja masing-masing lima peratus.

Daripada baki 25 peratus, 15 peratus diperuntukkan kepada rakyat Malaysia dan 10 peratus kepada institusi tempatan dan asing.

Beliau berkata kerajaan akan memastikan projek Bakun dilaksanakan mengikut jadual.

"Bakun pasti dilaksanakan. Ia akan mengambil masa (untuk disiapkan)," kata Dr Mahathir yang ditanya berulang kali oleh wartawan asing sama ada projek raksasa itu akan berjaya.

Ketika ditanya sama ada projek itu "menguntungkan", beliau secara berseloroh berkata bahawa "Bakun akan menjanakan wang yang banyak apabila ia beroperasi."

Ditanya sama ada kenyataan awal beliau mengenai komitmen kerajaan terhadap projek itu disebabkan kurang minat daripada penaja jamin, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir ada perbezaan dalam hal ini. Sebagai contoh, kita mempunyai 62 penaja jamin bagi Tenaga Nasional Berhad."

Mengenai sama ada kerajaan akan memberikan komitmen kepada syarikat-syarikat lain yang melaksanakan projek-projek raksasa seperti yang dilakukan kepada projek Bakun, beliau berkata: "Kita akan menimbangkannya."

Mengenai saham BHC, Dr Mahathir berkata beliau percaya bahawa saham itu akan "menguntungkan".

"Kebanyakan saham (dalam syarikat lain) kini berprestasi baik. Ia mengambil masa bagi saham-saham itu mencapai prestasi baik. Dan pada masa

itu, ia akan menguntungkan (pemegang saham)," katanya.

Mengenai kenyataan bercanggah daripada kontraktor asing mengenai penyertaan syarikat-syarikat tempatan, Dr Mahathir berkata Asea Brown Boveri Ltd (ABB), kontraktor utama projek itu, telah bersetuju untuk mengagihkan sebahagian kerja kepada syarikat-syarikat tempatan.

Beliau berkata 40 peratus kerja-kerja yang akan dijalankan telah diperuntukkan kepada syarikat tempatan.

ABB adalah rakan kongsi utama dalam sebuah konsortium dengan Companhia Brasileira de Projectose Obras (CPOB) dari Brazil yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan pakej utama pembinaan projek itu.

Pengerusi Eksekutif BHC Tan Sri Ting Pek Khiing, yang hadir semasa persidangan berita itu, berkata sebanyak 2,400 syarikat tempatan telah mengemukakan tawaran untuk turut serta dalam projek itu.

Ketika ditanya apa yang akan berlaku jika isu mengenai penyertaan syarikat tempatan tidak diatasi, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak mahu menjawab soalan yang bermula dengan 'jika'."

Dr Mahathir juga berkata walaupun kerajaan telah menjelaskan kepada rakyat mengenai pentingnya projek Bakun, beberapa pihak, terutama pertubuhan bukan kerajaan masih membantah dan mengkritik projek itu.

"Mereka tidak berminat dengan apa yang telah kita capai," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengambil langkah untuk membenarkan sektor swasta menjalankan projek raksasa seperti Bakun kerana mereka sangat efektif.

"Saya pasti tanpa penswastaan, kita mungkin tidak maju," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mahu projek Bakun itu dilaksanakan semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1976 tetapi ia tidak dapat dilakukan. -- BERNAMA

ES AKD